



KAMARUDIN (duduk) bersama pegawai utama UMS menunjukkan cili yang ditanam pelajar UMS Labuan. Turut kelihatan Murnizam (tiga kanan).

KAMARUDIN (lima kanan) dan pegawai utama UMS merakam kenangan bersama kakitangan UMSKAL selepas menyertai permainan dam ular gergasi.

# Tingkatkan semangat, komitmen

## ► Hasil lawatan rasmi Kamarudin ke UMSKAL

UB 31.1.2018 B8

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin mengadakan lawatan kerja rasmi ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sempena program Sesi Town Hall Siri 2/2018 pada Isnin.

Beliau yang diiringi Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik melawat kolej kediaman pelajar dan meninjau tanaman buah tin serta cili yang diusahakan pelajar.

Turut mengiringi Naib Canselor ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Rasid Mail dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni) Prof Dr Ismail Ali.

Selain itu, Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad, Bendahari Zallifah Shadan, Ketua Pustakawan Dayang Rukiah Ag Amit serta Penolong Naib Canselor Prof Dr Marcus Jopony yang juga pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat.

Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohammad Tuah turut mengiringi lawatan itu.

Pada sebelah petang, Kamarudin bersama pegawai utama UMS turut memeriahkan program riadah dengan bermain dam ular gergasi bersama kak-



ZALLIFAH (kanan) bersama Kamarudin (kiri) menikmati buah tin sambil diperhati Murnizam.

itangan di ruang parkir Bangunan Menara UMS Labuan bagi mengeratkan hubungan antara pengurusan universiti

dengan kakitangan UMSKAL.

"Program riadah itu mampu mengeratkan hubungan yang lebih erat antara pengurusan universiti dengan kakitangan UMS Labuan. Tahniah dan syabas saya ucapan kepada Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang sentiasa berusaha untuk memastikan kebijakan dan kerjasama dalam kalangan kakitangan mendapat per-



GEOFFREY (kanan) mengiringi Kamarudin (dua kanan) melalui jalan laluan pelajar ke dewan kuliah yang ditanam dengan tanaman menjalar.

hatian sewajarnya," kata Kamarudin.

Sementara itu, pada Selasa, Kamarudin mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkua-sa Pengurusan Universiti (PPBU) Bil.1/2018 (Siri 2) Kali Ke-220 di Bilik Seminar Kiamsam.

Beliau berharap kunjungan pertama itu akan dapat membantu meningkatkan lagi semangat dan tekad warga UMS Labuan untuk memacu kecemerlangan UMS di persada pendidikan di peringkat lebih tinggi.

"Pengurusan universiti

akan terus berusaha gigih untuk memastikan UMS berada di landasan yang tepat ke arah kecemerlangan di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Kamarudin mengingatkan warga UMS supaya sentiasa menjaga nama baik universiti di samping berusaha gigih meningkatkan martabat universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau juga menasihatkan pegawai, pensyarah dan kakitangan supaya sentiasa menjalinkan hubungan yang erat dengan komuniti setem-pat kerana UMS ditubuhkan untuk manfaat rakyat di Sabah dan Wilayah Perse-kuatan Labuan.



KAMARUDIN (dua kiri) mendengar taklimat mengenai kolej kediaman pelajar UMSKAL daripada Murnizam (dua kanan).

“ Program riadah itu mampu mengeratkan hubungan yang lebih erat antara pengurusan universiti dengan kakitangan UMS Labuan. Tahniah dan syabas saya ucapan kepada Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang sentiasa berusaha untuk memastikan kebijakan dan kerjasama dalam kalangan kakitangan mendapat perhatian sewajarnya. ”

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN  
Naib Canselor UMS